



Nurhidayah Mohd Adnan selalunya membuat pemeriksaan darah kucingnya.



Ejam, 25, bersama kucing perihatarannya.



Aron Azis dan isteri Diyana Holik terparkat melihat kucing milik peminat, **Sophia Ali** (kanan) pada **Fiesta BH** di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Comel, cantik bukan syarat

» Kenali dulu sifat dan karakter kucing sebelum buat pilihan

Oleh **Azhahrin Alias**
zahrini@bharian.com.my

Apabila kucing muncul di Fiesta BH, kemariannya bagaikan berganda. Walaupun kolom MEOWW baru diperkenalkan minggu lalu khas untuk pembaca BH, namun sambutan yang diterima sangat membara berbangsakan dan terbukti kolom ini mampu menarik minat peminat haiwan comel dan manja ini.

Antara aktiviti yang dijalankan bersempena dengan Fiesta BH adalah seperti pameran kucing dengan kerjasama Kelab Kucing Malaysia (KKM) dan juga pemberian vaksin percuma serta pendaftaran pasport haiwan oleh Hospital Veterinar Kuala Lumpur.

Walaupun booth atau gerai MEOWW dibuka pada jam 9 pagi namun sejak jam 730 pagi lagi sudah kelihatan beberapa

pemilik kucing membawa haiwan kesayangan mereka untuk diberikan suntikan dan mendapatkan pasport haiwan.

Bersempena dengan Fiesta BH, Hospital Veterinar Kuala Lumpur mengadakan sunbikan vaksin secara percuma dan juga mendapat pasport haiwan dengan harga istimewa. Sehingga jam 5 petang hampir 250 ekor kucing mendapatkan vaksin dan pasport haiwan.

Pengarah Hospital Veterinar Kuala Lumpur, Dr Mas Ayu Suraya Abd Rahman, berkata jika dulu masyarakat hanya suka memelihara kucing tetapi kurang memahami mengenai keperluan penjagaan kesihatan kucing dengan betul.

Tetapi kini atas usaha Jabatan Veterinar dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) memberi ceramah dan kempen mengenai kepentingan menjaga kesihatan haiwan peliharaan, masyarakat semakin membuka mata dan memahami kepentingan menjaga kesihatan haiwan

Kongsi pengalaman suka, sedih, seronok atau apa saja perasaan terhadap kucing kesayangan anda dalam ruangan Meoww. Anda juga boleh berkongsi tip penjagaan kucing. Kirimkan gambar dan cerita secara ringkas mengenai kucing kesayangan anda. Emelkan kepada Pengarang Berita, **Majalah Edisi Minggu BH**, zahrini@bharian.com.my atau zahrini@bharian.com.my



INFO



Selain 'kucing kampung' juga dianggap kucing biasa yang selalu kita lihat, terdapat banyak spesies atau baka ke haiwan comel dan manja ini. Antaranya seperti berikut,

American Shorthair
© Badan sederhana sehingga ke besar, padat, berotot dan kuat. Bulunya pendek, kasar dan tebal. Warna bulu terdiri dari pelbagai dan kebasahannya mempunyai dua corak.

American Bobtail
© Bersifat lasak. Bajak

menyusuaikan diri dengan persekitaran. Badannya sederhana ke besar dengan bulu yang tebal, panjang dan tak terurus, mempunyai pelbagai warna dan corak. Baka jantan boleh mencapai berat sehingga empat kilogram manakala betinanya bersaiz kecil sedikit.

Bengal
© Saiz badan sederhana hingga ke besar, berkilat, berotot dengan bahagian belakang yang tinggi sedikit daripada bahu. Baka betina secara puratanya mempunyai berat tiga hingga



lima kilogram, jantan pula dari lima hingga lapan kilogram bila membesar. Bulunya pendek, tebal dengan rasa yang lembut, pelbagai corak dan warna serta bersinar-sinar.

Birman
© Baka ini dipercayai berasal dari Burma dan bentuk badannya besar dan panjang. Bulunya berwarna biru dan coklat kekilauan.

British Shorthair
© Dianggap baka paling lama wujud. Saiz badannya

sedehana besar dengan bentuk padat, kuat dan sembang. Bulunya yang pendek dan tebal pula datang dengan pelbagai warna. Malah terdapat juga baka ini yang berwarna biru.

Burmese
© Baka Burmese adalah berorientasikan manusia. Ia mempunyai kepala bulat dan mata yang berwarna kuning kepada emes. Bulunya pula pendek dengan warna biru dan perak.

Maine Coon
© Saiz badan yang besar.